

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(VII)3**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB. KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

3. Sindiket dadah di Pulau Pinang.
  - (a) Setakat ini berapakah jumlah tangkapan yang melibatkan penjualan dan juga penagih dadah. Sila nyatakan dengan statistik.
  - (b) Apakah tindakan pihak berkuasa untuk membanteras kegiatan ini daripada berleluasa?
  - (c) Apakah program pemulihan yang melibatkan penagih golongan belia?

**YB. PHEE BOON POH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

3. (a) (i) Jumlah tangkapan bagi kes penjualan dan pengedaran dadah di negeri Pulau Pinang adalah seperti di **LAMPIRAN A**.  
  
(ii) Jumlah tangkapan bagi kes penagih dadah di negeri Pulau Pinang dari tahun 2016 sehingga tahun 2019 adalah seperti berikut:

Berdasarkan data tangkapan dan positif ujian saringan urin yang dilaksanakan melalui operasi mengikut daerah bagi sepanjang empat (4) tahun bermula tahun 2016 sehingga 2019 adalah sebanyak **10,790** orang telah

ditahan dan didapati positif ujian saringan urin di Pulau Pinang dengan pecahan seperti berikut;

Tahun	2016	2017	2018	2019
Jumlah	1945	3061	2888	2896

- (b) Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang menjadi agensi peneraju membanteras penyalahgunaan dadah dan substans di Malaysia yang meliputi bidang pendidikan pencegahan dadah, penguatkuasaan dan keselamatan serta rawatan, perubatan dan pemulihan penagihan dadah.

Dasar Dadah Negara telah menetapkan Pendidikan Pencegahan Dadah sebagai teras utama untuk mewujudkan Negara Bebas Dadah dan ianya merupakan satu strategi bertujuan melindungi rakyat Malaysia daripada terjebak dalam tingkah laku penyalahgunaan dadah di pelbagai peringkat komuniti sama ada keluarga, sekolah, majikan dan komuniti. Program-program pendidikan pencegahan dan kesedaran awam dilaksanakan seawal mungkin dikalangan kanak-kanak, remaja, belia, dewasa dan warga tua sama ada di sekolah, institusi pengajian tinggi, tempat kerja, institusi kekeluargaan dan komuniti.

Dalam aspek penguatkuasaan, AADK melaksanakan operasi mengesan dan menangkap Orang Yang Disyaki (OYDS) penagih dadah, menguruskan aduan berkenaan permasalahan dadah, pengurusan Orang Kena Pengawasan (OKP) dan segala aktiviti memperkasa penguatkuasaan ke arah negara bebas dadah. Penumpuan juga diberikan ke atas mereka yang enggan hadir secara sukarela untuk menjalani pemulihan dan mereka yang melanggar perintah pengawasan yang ditetapkan.

Dalam usaha membantu kepulihan penagihan dadah, AADK menyediakan perkhidmatan rawatan dan pemulihan penagihan dadah di dalam institusi dan juga di dalam komuniti. Komponen program yang dilaksanakan merangkumi detoksifikasi, penilaian dan perancangan rawatan, program psikososial dan psikospiritual, rawatan

perubatan dan kesihatan, pencegahan penagihan semula, pengurusan kes, program kemasyarakatan dan integrasi sosial serta penekanan ke atas latihan kemahiran dan kerjaya. Rawatan dan pemulihan ini bagi membantu individu menjalani pemulihan dan memastikan individu kekal pulih seterusnya kembali berfungsi dalam komuniti.

Dalam memperkasakan lagi usaha menangani permasalahan dadah di negara ini, AADK telah mengenalpasti Kawasan Berisiko Tinggi (KBT) di seluruh negara. Di Pulau Pinang sebanyak 7 mukim dan 18 *focal area* melibatkan empat (4) daerah iaitu Daerah Timur Laut, Daerah Seberang Perai Tengah, Daerah Seberang Perai Utara dan Daerah Barat Daya telah dikenalpasti sebagai Kawasan Berisiko Tinggi. Di samping itu, pelaksanaan Program RINTIS di kawasan terpilih di seluruh negara turut diperkenalkan bagi mengatasi masalah penagihan dadah, substansial dan pelencongan sosial. Di samping sokongan dan kerjasama dari Kerajaan Negeri, inisiatif ini menekankan kerjasama 9 kementerian dan 15 agensi serta NGO setempat melalui model bersepadu dan pelan tindakan komprehensif di kawasan rintis yang ditetapkan. Di Negeri Pulau Pinang, kawasan Guar Perahu di Penanti dipilih sebagai kawasan RINTIS.

- (c) Program pemulihan yang dijalankan oleh AADK merangkumi dua (2) *setting* iaitu Program Dalam Institusi Pemulihan Penagihan Dadah dan Program Pemulihan Dalam Komuniti. Bagi mana-mana individu yang disahkan sebagai penagih dadah dibawah peruntukan Seksyen 6(2)(a) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983, individu berkenaan dikehendaki menjalani rawatan dan pemulihan di dalam institusi pemulihan selama dua (2) tahun dan kemudiannya menjalani program pemulihan di dalam komuniti selama dua (2) tahun dan tidak lebih dari tiga (3) tahun. Di bawah peruntukan Seksyen 6(2)(b) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983, individu dikehendaki menjalani program rawatan dan pemulihan di dalam komuniti tidak selama dua (2) tahun tidak melebihi dari tiga (3) tahun.

Pendekatan utama yang digunakan dalam program rawatan dan pemulihan penagihan dadah ialah Pendekatan Psikososial di samping pendekatan *Spiritual* dan *Therapeutic Community* (TC). Pendekatan Psikososial merangkumi program-program pemulihan seperti *Early Recover (ER)*, *Relapse Prevention*, Kelompok Sokongan Sosial, Bimbingan dan Kaunseling, Program Agama dan Kerohanian, Kelompok 12 Langkah, Program Pembangunan Keluarga, Psikopendidikan, Pengurusan Diri, *Excursion/Riadah* dan Integrasi Sosial. Penekanan ke atas latihan kemahiran dan kerjaya serta penerokaan peluang-peluang pekerjaan bersama majikan dan pelbagai pihak juga dilaksanakan bagi memberi latihan kemahiran kepada golongan belia untuk mendapatkan pekerjaan setelah tamat menjalani program pemulihan.

Beberapa program lain juga dilaksanakan bagi membantu kepulihan penagihan dadah iaitu Program Hijrah, *Recovery Anonymous* (RA) dan Program Mentor Mentee.

**Program Hijrah** merupakan sebuah program yang membantu Orang Kena Pengawasan (OKP) atau Klien *Re-Entry* AADK berdasarkan perubahan tempat tinggal dan penempatan pekerjaan supaya mereka berupaya mengekalkan kepulihan sepanjang hayat. Mereka akan memulakan kehidupan baru di dalam komuniti baharu.

**Recovery Anonymous** merupakan program yang dilaksanakan kepada OKP yang *abstinence* selepas keluar daripada institusi ke komuniti (daerah). Dijalankan secara kelompok dan diketuai oleh seorang fasilitator di kalangan OKP dan ahli lain sebagai *peer*. Perkongsian pendapat ahli mengikut pelbagai tajuk yang diberikan seperti pekerjaan, kesihatan, kekeluargaan dan sebagainya.

**Program Mentor Mentee** merupakan program selia pantau dan hubungan membimbing OKP dalam proses kepulihan yang mana dilaksanakan dengan melibatkan pegawai AADK yang akan berperanan sebagai Mentor kepada klien yang komplian (Mentee) di daerah atau komuniti sama ada secara individu mahupun secara kelompok.



**LAMPIRAN A**

**BERIKUT MERUPAKAN TANGKAPAN DAN RAMPASAN MAKMAL DADAH  
DI KAWASAN PULAU PINANG.**

**TIMUR LAUT**

TAHUN	JUMLAH KES	JUM. TANGKAPAN	JENIS DADAH	RAMPASAN	HARGA
2008	1	0	SERBUK ECSTACY	3.850 KG	RM 385,000.00
	1	3	HEROIN	4.062 KG	RM 36,106.00
			SYABU	1.394 KG	RM 69,700.00
			PIL ECSTACY	1725 BIJI	RM 51,750.00
2009	1	1	SYABU	11.84 KG	RM 592,000.00
			SERBUK ECSTACY	1.4 KG	RM 134,000.00
	1	2	HEROIN	0.55 KG	RM 4,888.40
	1	2	HEROIN	0.3 KG	RM 2,667.00
			SERBUK ECSTACY	0.7 KG	RM 70,000.00
2010	1	0	HEROIN	28.262 KG	RM 251,215.00
			KETAMIN	0.46 KG	RM 23,000.00
	1	2	HEROIN BASE	0.335 KG	RM 21,535.00
			HEROIN	28.086 KG	RM 250,000.00
	1	0	SYABU	7.072 KG	RM 353,600.00
2017	1	1	SYABU	0.555 KG	RM 27,750.00
			METH OIL	47 LITER	RM 940,000.00
	1	4	SERBUK DADAH	1.797 KG	RM 62,000.00
	1	1	HEROIN	13.92 KG	RM 123,732.00
			SYABU	20 KG	RM 1,000,000.00
			SERBUK ECSTACY	35.3 KG	RM 3,530,000.00
	2	3	HEROIN	18.295 KG	RM 162,620.00
			SYABU	5.990 KG	RM 299,500.00
			METH OIL	5.2 LITER	RM 104,000.00
2018	1	2	HEROIN BASE	383 GRAM	RM 38,300.00
			HEROIN	4391 GRAM	RM 65,697.00
	1	5	HEROIN	18,860 GM	RM 167,642.00
	1	1	HEROIN	10,226 GM	RM 90,896.00
	1	2	HEROIN BASE	1126 GRAM	RM 72,385.00
			HEROIN	31,348 GRAM	RM 278,646.00
			SYABU	3107 GRAM	RM 155,350.00

**BARAT DAYA**

TAHUN	JUMLAH KES	JUM. TANGKAPAN	JENIS DADAH	RAMPASAN	HARGA
2008	1	1	HEROIN	2168.40 GM	RM 19,275.00
			KETAMIN	6675.20 GM	RM 333,760.00
			CANABIS	549.20 GM	RM 5,490.00
2013	1	0	HEROIN	5194 GM	RM 46,168.00
2014	1	1	GANJA	131.48 KG	RM 236,664.00
	1	1	HEROIN	6.210 KG	RM 55,200.00

**SEBERANG PERAI UTARA**

TAHUN	JUMLAH KES	JUM. TANGKAPAN	JENIS DADAH	RAMPASAN	HARGA
2017	1	1	SYABU	9 KG	RM 450,000.00
			METH OIL	76 KG	RM 1,520,000.00
2018	1	2	KETAMIN	8100 GRAM	RM 405,000.00
			ERIMIN 5	4000 BIJI	RM 60,000.00

**SEBERANG PERAI TENGAH**

TAHUN	JUMLAH KES	JUM. TANGKAPAN	JENIS DADAH	RAMPASAN	HARGA
2008	1	1	SERBUK WARNA CREAM DISYAKI DADAH.	TIDAK DIPEROLEH	TIADA
			CECAIR WARNA COKLAT DISYAKI DADAH	TIDAK DIPEROLEH	TIADA
			HABLUR KRISTAL	TIDAK DIPEROLEH	TIADA
			SERBUK WARNA CREAM DISYAKI DADAH	TIDAK DIPEROLEH	TIADA

TAHUN	JUMLAH KES	JUM. TANGKAPAN	JENIS DADAH	RAMPASAN	HARGA
			CECAIR WARNA COKLAT DISYAKI DADAH	TIDAK DIPEROLEH	TIADA
			CECAIR - METHYLATED SPIRIT	TIDAK DIPEROLEH	TIADA
			SERBUK WARNA PUTIH DISYAKI DADAH	TIDAK DIPEROLEH	TIADA
2011	1	4	PIL WY	(16) BIJI	RM160.00
			PIL EXCTASY	(31) BIJI	RM930.00
			PIL ERAMIN 5	(38) BIJI	RM570.00
2011	1	1	SYABU	2.018 KG	RM 100,900.00
			CECAIR SYABU	30.325 LITER	RM 606,500.00
2012	1	1	SERBUK DADAH BERWARNA MERAH	TIDAK DIPEROLEHI	TIDAK DIPEROLEHI
	1	3	BAHAN MEMPROSES SYABU	TIDAK DIPEROLEHI	TIDAK DIPEROLEHI
2014	1	0	SYABU	3 PEKET	TIDAK DIPEROLEHI
			HEROIN	2 PEKET	TIDAK DIPEROLEHI
			PIL ERIMIN 5	16 BIJI	RM 240.00
	1	3	HEROIN	13.0 KG	RM 115,554.00
	1	1	SERBUK DISYAKI DADAH	TIDAK DIPEROLEHI	TIDAK DIPEROLEHI
			GANJA	1 KG	RM 1,800.00
			SERBUK ECSTACY	0.8 KG	RM 80,000.00

TAHUN	JUMLAH KES	JUM. TANGKAPAN	JENIS DADAH	RAMPASAN	HARGA
2015	1	3	HEROIN	(AB : 40.0 GRAM)	RM2,000.00
			SYABU	(AB : 287.0 GRAM)	RM43,050.00
			KETAMIN	(AB : 41.0 GRAM)	RM6,150.00
			SERBUK WY	(AB : 3760 GRAM)	RM 282,000.00
			SYABU	(AB : 1500 GRAM)	RM225,000.00
			HEROIN	(AB : 1000 GRAM)	RM50,000.00
			METH OIL	(AB : 1500 GRAM)	RM 30,000.00
	1	2	SYABU	(A/B : 5.0 KG)	RM750.00
			SYABU	(A/B : 32.20 KG)	RM4,830.00
			SYABU	(A/B : 15.1 KG)	RM2,265.00
			SYABU	(A/B : 151.4 KG)	RM22,710.00
			SYABU	(A/B : 120.10 KG)	RM18,015.00
			CECAIR DI SYAKI DADAH	323.8 KG.	RM 6,476,000.00
2016	1	2	GANJA	7 KG	RM 12,600
			GANJA	(54 BEKAS)	TIDAK DIPEROLEHI
			KETAMIN	658.9 gram	RM98,835.00
2017	1	2	SYABU	51.4 gram	RM7,710.00
	1	1	GANJA	314.4 gram	RM3,144.00
2017	1	2	HEROIN	9,878 GRAM	RM 87,804.00
	1	1	SERBUK ECSTACY	9265 GRAM	RM 926,500.00

TAHUN	JUMLAH KES	JUM. TANGKAPAN	JENIS DADAH	RAMPASAN	HARGA
2018	1	1	PIL ECSTACY	8470 BIJI	RM 254,100.00
	1	2	PIL ERIMIN 5	63,500 BIJI	RM 952,500.00
			SERBUK ERIMIN 5	678,355 GRAM	RM 33,917,750.00
			PIL ECSTACY	5,080 GRAM	RM 508,000.00
			SYABU	27,275 GRAM	RM 1,363,750.00
2019	1	2	HEROIN	1,365 GRAM	RM 12,133.00
2020	1	8	SYABU	4,980 GRAM	RM 249,000.00

#### SEBERANG PERAI SELATAN

TAHUN	JUMLAH KES	JUM. TANGKAPAN	JENIS DADAH	RAMPASAN	HARGA
2012	1	1	SYABU	6,337 GRAM	RM253,480.00
2015	1	2	PIL ECSTASY	2650 BIJI	RM79,500.00
2016	1	2	SYABU	250 GRAM	RM 10,000.00
			METH OIL	60 ML	RM 960.00
			PIL ECSTASY	36 BIJI	RM 1,080.00
2018	1	2	HEROIN	52,760 GRAM	RM 468,973.00
2019	1	1	SYABU	(18523 GRAM)	RM740,930.00
			PIL EKSTASI	(5430.8 GRAM)	RM543,080.00
			HEROIN BASE	(383 gram)	RM45,000.00
2020	1	7	HEROIN	(4793.6GRAM)	RM44,000.00
			DAUN KETUM	337300 GRAM	RM3,373,000.00
			GANJA	(125290 GRAM)	RM225,522.00
			SYABU	(48550 GRAM)	RM1,942,000.00
			KETAMIN	(7180 GRAM)	RM323,100.00